

Gereja St. Peter, Padungan  
Katedral St. Joseph Chapel B. Sacrament  
Apostolat 'Divine Mercy'  
Doa harian jam 3 ptg  
Hubungi: En. Andy Lau 011-11466440

Katedral St. Joseph, Kuching  
Kumpulan 'Lord Jesus Healing' (Mandarin)  
Perjumpaan bulanan setiap hari Selasa ke-3  
7:30 mlm - 9:30 mlm di Bilik St. Augustine,  
Pusat Paroki  
Hubungi: En. Joseph Wong 016-8898827

Katedral St. Joseph, Kuching  
Ministri Pembebasan & Penyembuhan Holy Cross  
Perjumpaan Doa: Selasa 7:30 mlm – 9:00 mlm di  
A.C.C.P.C.  
Hubungi: 082-363945

Gereja Blessed Sacrament, Kuching  
'Emmaus Servant Community'  
Perjumpaan Doa: Dewan BSC  
Khamis 7:30 mlm – 9:30 mlm dalam Mandarin  
Jumaat 7:30 mlm – 9:30 mlm dalam B. Inggeris  
Hubungi: En. Mervyn 0168903997

Gereja St. Ann, Kota Padawan  
Kumpulan Paroki St. Ann  
Puji dan Sembah bulanan dengan penyembuhan  
dan pembebasan pada hari Ahad terakhir setiap  
bulan  
7:30 mlm – 9:30 mlm di Gereja St. Ann  
Hubungi: 082-611757 atau En. Patrick Lomas 013-  
8080994

Gereja St. Theresa, Serian  
Kumpulan Doa 'The Little Flower'  
Hubungi: En. Daniel Bundai 011-15422730

Gereja St. Stephen, Bau  
Perjumpaan doa mingguan pada hari Jumaat  
8:00 mlm – 9:30 mlm dan Misa Karismatik dengan  
penyembuhan pada setiap hari Jumaat pertama  
8:00 mlm – 9:30 mlm  
Hubungi: En. Andrew Jukah 019-8364597

Gereja St. Jude, Bunan Gega  
Kumpulan doa Karismatik Prayer group  
mengunjungi kampung setiap minggu  
Hubungi: 082-895167

+++

Katakan "TIDAK" kepada pihak yang tidak  
dibenarkan  
Para umat disarankan agar TIDAK mendapatkan  
pertolongan daripada orang yang mendakwa  
sebagai penyembuh atau pengusir syaitan  
walaupun merupakan kenalan umat, kerana ini  
boleh membuka laluan bagi roh-roh jahat untuk  
memasuki kehidupan mereka.

Pengusir Syaitan yang Terlantik di Keuskupan  
Agung Kuching  
Uskup Agung Simon Poh, telah melantik Fr. Larry  
Tan, SJ, dan Fr. Don Don Ramirez, OFM, sebagai  
Pengusir Syaitan, mulai 1 Oktober 2018 hingga  
31 Disember 2019. Bersamaan dengan itu, Fr.  
Larry dan Friar Don Don juga masing-masing  
merupakan Penasihat Rohani dan Penolong  
Penasihat Rohani untuk Ministri Pembebasan  
dan Pengusir Syaitan Keuskupan Agung Kuching  
yang baru ditubuhkan (KAMODE - Kuching  
Archdiocesan Ministry of Deliverance and  
Exorcism).

*Dicetak dengan Kebenaran*  
*Uskup Agung Kuching*  
*21hb April, 2019*

*Memahami Pembebasan,  
Penyembuhan & Pengusiran  
Syaitan dalam  
Gereja Katolik*

## **Ministri Pembebasan & Pengusiran Syaitan Keuskupan Kuching (KAMODE)**

*Yesus membentak roh itu,  
"Diam! Keluar daripada dia!"  
(Markus 1:25)*

### **Visi Kami**

Kami adalah hamba Allah yang diperkasakan  
oleh Roh Kudus untuk menjadi penyembuh  
yang terluka Kristus bagi dunia yang  
memerlukan perdamaian.

### **Misi Kami**

Kami membantu orang untuk bebas *daripada*  
segala bentuk perhambaan, dan kebebasan  
*untuk* berkhidmat kepada Kristus dan untuk  
kemanusiaan.

### Pembebasan & Pengusiran Syaitan dalam Gereja Katolik

Penyembuhan, pembebasan dan pengusiran  
Syaitan adalah penting untuk misi penyelamatan  
Yesus Kristus, yang ingin membebaskan manusia  
daripada segala jenis perhambaan. Dari Alkitab kita  
membaca tentang Yesus mengerjakan pelbagai  
jenis mukjizat: menyembuhkan orang buta dan  
yang lumpuh, menenangkan ribut dan mengusir  
roh-roh jahat, dll.

Melalui kemenangan Kristus atas Iblis, Gereja Katolik berkongsi dalam kuasa kemenangan ini untuk menghalau roh jahat (Mt 10:1; Mk 16:17). Kristus sendiri mengurni dua belas rasul-Nya kuasa untuk menghalau roh-roh jahat dengan nama-Nya (Mk 3:15). Melalui kuasa Apostolik, uskup melantik pengusir syaitan untuk mengusir roh jahat daripada seseorang yang dirasuki.



“Iblis tidak perlu merasuki kita. Dia meracuni kita dengan kebencian, kehancuran, kecemburuan, dan kejahatan,” kata Paus Francis dalam Ensiklik beliau “Bergembiralah dan Bersukacitalah.”

Tuhan telah memberi kita senjata rohani untuk memerangi iblis - melalui doa, Sabda Tuhan, Misa, adorasi Ekaristi, pengakuan dosa, kerja amal, kehidupan berk komuniti dan usaha mubaligh.

Alkitab memberitahu kita bahawa pertempuran kita terhadap iblis adalah perang rohani dan kita harus sentiasa bersedia untuk mengenakan perisai lengkap Allah (Ef 6:13-18) untuk melawan iblis (1 Pet 5:8-9).

#### Perbezaan antara pembebasan dan pengusiran syaitan

Pembebasan dan pengusiran syaitan adalah dua bentuk intervensi rohani yang berbeza.

Dalam pembebasan, seseorang sering mengalami penyembuhan batiniah dan merasa dibebaskan daripada luka dosanya seperti kebencian yang mendalam atau perasaan negatif yang menyakitkan kerana trauma cenderung menjadi bukaan untuk obsesi dan penindasan syaitan. Mana-mana paderi atau kumpulan doa yang terpilih atau umat Katolik boleh melakukan pembebasan.

Dalam pengusiran syaitan, seorang pengusir syaitan yang terlantik mengarah syaitan untuk meninggalkan orang yang dirasuki atas nama Yesus.

#### Perbezaan antara pengusiran syaitan ringan & berat

Seorang paderi melakukan pengusiran syaitan ringan semasa Upacara Inisiasi Kristian Bagi Orang Dewasa (IKD) dan Upacara Pembaptisan untuk Kanak-kanak untuk menghancurkan "hak" syaitan atas mereka yang belum dibaptis dan dengan itu membebaskan mereka dari kekuasaan syaitan.

Seorang pengusir syaitan melakukan pengusiran berat untuk mengusir syaitan daripada seseorang yang dirasuki dalam nama Yesus hanya setelah menjalankan siasatan menyeluruh untuk memastikan tanda-tanda kerasukan syaitan adalah nyata.

#### Laluan kepada syaitan memasuki kehidupan kita

Pada kebelakangan ini kita menyaksikan semakin ramai orang berpaling dari Tuhan dan and dengan itu membuka laluan kepada syaitan untuk memasuki kehidupan mereka melalui amalan ilmu ghaib seperti ilmu hitam, sihir, dll.

Laluan lain termasuk daya tarikan dan keingintahuan yang semakin meningkat dalam aktiviti psikik, paranormal atau Zaman Baru (*New Age*), dan ketagihan dan gaya hidup yang berdosa menjadikan orang mudah terdedah kepada serangan syaitan.

#### Jangan tersimpang

Jangan sampai kita tersimpang dari jalan oleh kerana drama pembebasan dan pengusiran syaitan, kita perlu tekankan bahawa dengan berpaling dari Tuhan, kita mendedahkan diri kita kepada “kejahatan dan jerat syaitan”.

#### Teras utama pembebasan dan pengusiran syaitan

la adalah untuk membebaskan seseorang daripada segala bentuk perhambaan dan membantunya mengalami cinta kasih Tuhan yang tanpa syarat. Oleh itu, sangatlah penting bagi seseorang untuk menunjukkan suatu bentuk kecenderungan dalaman untuk bertaubat atau mengubah gaya hidupnya yang berdosa dan kembali kepada Tuhan sebelum dan sesudah pembebasan atau pengusiran syaitan.

#### Kami ingin membantu anda

Bagi mereka yang tertindas secara rohani, mereka boleh mendapatkan bantuan daripada paderi paroki masing-masing. Mereka juga boleh menghubungi kumpulan doa bawah Keuskupan Agung Kuching berikut untuk bantuan. Mesyuarat kumpulan doa adalah:

#### Katedral St. Joseph, Kuching

Komuniti ‘Bread of Life’

Perjumpaan Doa hari Ahad di ‘Day Chapel’ Katedral, 7.30 mlm – 9.30 mlm

Hubungi: En. Paul Wong 011-36350939